

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28 / 08 / 2007

TUGAS PENTING MENGUKUHKAN PERPADUAN NASIONAL

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) mengukuhkan muafakat dalam parti itu, apakah ia bermaksud muafakat sekarang ini tidak sekukuh yang beliau harapkan.

Mengapa pula Perdana Menteri meminta parti komponen BN mengukuhkan muafakat dan perpaduan sedangkan perkara itu seharusnya terbit dalam hati sanubari setiap rakyat negara ini.

Apa yang jelas ialah Perdana Menteri bimbang dengan kecenderungan pihak-pihak tertentu yang secara terbuka membincangkan sesuatu isu yang timbul dari sudut kaum masing-masing.

Parti-parti komponen BN juga dilihat semakin mengutamakan perjuangan untuk kaum masing-masing berbanding perpaduan nasional yang menjadi kunci kejayaan negara ini.

Sebagai contoh, baru-baru ini timbul isu syarat bahasa Mandarin untuk diambil bekerja, meminta kerajaan membuka tender untuk semua kaum dan juga soal pendidikan untuk kaum tertentu.

Selepas 50 tahun merdeka, isu-isu tersebut tidak sepatutnya masih wujud kerana jawapannya sudah ada jika semua pihak melihat kembali kepada sejarah.

Sebagai rakyat Malaysia, kita semua memahami dan mengakui bahawa perpaduan adalah kunci kepada tercapainya kemerdekaan 50 tahun lalu.

British yang menjajah Tanah Melayu meletakkan perpaduan antara kaum sebagai syarat utama untuk memberikan kemerdekaan dan pemimpin pada masa itu bekerja keras untuk mencapainya.

Dari situ tertubuhlah parti Perikatan yang berjaya 'mengikat' tiga kaum utama negara ini dan hasil perikatan nasional itu, negara ini dapat membangun sehingga menjadi Malaysia pada hari ini.

Malangnya, di saat negara hendak merayakan 50 tahun kemerdekaan, mengapa ikatan perpaduan dan muafakat dilihat semakin longgar.

Jika semua pihak termasuk parti-parti komponen BN terus mementingkan agenda kaum masing-masing, tidak mustahil segala pembangunan dan ke-

senangan yang dikecapi negara akan musnah.

Mungkin kita sudah terlalu selesa dengan pembangunan dan kemakmuran negara sehingga kita leka mengenai perkara asas pembentukan negara ini.

Dan di sinilah sebenarnya terletak peranan dan tanggungjawab BN, yang terbukti sudah berjaya menyatukan rakyat negara ini, sekali gus membawa kepada kejayaan Malaysia sejak 50 tahun lalu.

Setiap parti komponen BN perlu kembali ke matlamat asal penubuhan parti Perikatan dan BN iaitu memperjuangkan bangsa Malaysia.

Bukan tidak boleh memperjuangkan hak kaum masing-masing tetapi ia perlu dilakukan secara berhemah iaitu secara musyawarah supaya jalan penyelesaian terbaik dapat dicapai.

Sebagai parti terbesar, BN perlu menjadi contoh kepada semua usaha itu kerana parti itu sudah ada formula yang berkesan. BN perlu menyuburkan konsep musyawarah itu kerana tiada pihak lain yang boleh memainkan peranan penting itu.

um - 28/8/2007